



PROGRAM LAWATAN KEBAJIKAN ALUMNI-UKM KE PUSAT JAGAAN AL-FIKRAH MALAYSIA

Pada 4 Julai 2019 (Khamis), Pusat Perhubungan Alumni UKM telah menganjurkan Program Lawatan Kebajikan ke Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia. Pusat jagaan ini terletak di Kajang, Selangor dan menempatkan seramai 70 orang penghuni lelaki dan wanita. Penghuni di Pusat Jagaan Al-Fikrah ini terdiri daripada kalangan warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), Mualaf dan juga bekas-bekas pesakit hospital. Program dimulakan dengan bacaan doa, ucapan dari wakil Pusat Jagaan Al-Fikrah dan Ir. Dr. Nazrul Anuar Bin Nayan, Pengarah Pusat Perhubungan Alumni UKM dan seterusnya penyerahan sumbangan berjumlah dua ribu ringgit. Sumbangan tersebut dikumpul dari kalangan kakitangan pejabat Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni serta alumni UKM. Inisiatif tanggungjawab sosial ini juga turut disertai oleh alumni UKM. Warga UKM dan alumni yang hadir turut berkesempatan berbual-bual dengan penghuni pusat jagaan ini yang sememangnya mesra. Semoga sumbangan yang telah diberikan dapat membantu Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia dan diharap kehadiran alumni UKM dapat menggembarakan penghuni Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia.

SELANJUTNYA ➔



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pada 28 Jun 2019 (Jumaat), Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat UKM Tahun 2019M/1440H di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR). Majlis dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar, Pengerusi Universiti Kebangsaan Malaysia serta YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, bermula pada jam 8 pagi dan berakhir pada jam 12 tengah hari dan. Terdapat pelbagai jenis makanan yang telah dihidangkan oleh setiap pusat tanggungjawab. Majlis Alumni UKM turut memberi sumbangan dengan membuka sebuah gerai yang menyediakan hidangan yang sedang popular sekarang dari negara Jepun iaitu Oden. Gerai tersebut telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan dan membawa satu kelainan di majlis tersebut.

SELANJUTNYA ➔



WAKIL ALUMNI DALAM LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Dato' Yeow Wah Chin (FEP 1984) merupakan alumni UKM yang berjaya. Beliau adalah graduan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan tahun 1984. Beliau ialah seorang Peguambela dan Peguamcara dan juga pengasas serta rakan kongsi bagi firma guaman Yeow & Salleh yang ditubuhkan pada tahun 1994. Beliau merupakan salah seorang ahli Lion Leader of Lions Clubs International District 308B1 Malaysia. Pada tahun 2005, beliau telah dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) oleh DYMM Sultan Pahang dan dan pada tahun 2012 pula beliau telah dianugerahkan Darjah Setia Tuanku Muhriz (DSTM) oleh Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan, DYMM Tuanku Muhriz atas sumbangannya kepada komuniti. Beliau kini dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang mewakili alumni UKM. Tempoh pelantikan beliau adalah sehingga Mei 2020. Tahniah diucapkan.

SELANJUTNYA ➔



ALUMNI HEBAT UKM

Encik Seng Yee Lau (FSKK 1990) adalah salah seorang alumni UKM yang berjaya dan merupakan nama yang besar di dalam dan luar negara. Beliau adalah graduan dari Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan yang bergraduasi pada tahun 1990. Kini beliau berkhidmat di salah sebuah syarikat besar di dunia iaitu Tencent Holdings Limited. Beliau mula berkhidmat pada tahun 2006 sebagai Naib Presiden Eksekutif Kanan. Selepas 11 tahun, beliau dilantik sebagai Pengerusi Pemasaran Kumpulan & Penjenamaan GLOBSCO pada tahun 2017. Beliau aktif sebagai penceramah di pelbagai forum antarabangsa seperti PBB, UNESCO dan sebagainya. Selain itu, beliau juga adalah salah seorang daripada 25 pengasas Global CMO Growth Council. Beliau kini baru dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad yang berkuatkuasa pada 26 Jun 2019. Tahniah diucapkan.

SELANJUTNYA ➔



ALUMNIUKMOfficial



@ALUMNIUKMOffcl



www.ukm.my/alumni